

INTEGRASIKAN SEMUA KAUM

KUALA LUMPUR 10 Jan. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu ekonomi bumiputera dan bukan bumiputera diintegrasikan sebagai jalan keluar daripada masalah-masalah yang selama ini menimbulkan rasa iri hati dan tidak puas hati di kalangan orang-orang Melayu dan Cina.

Beliau juga mahu bumiputera mengakui kelemahan mereka dan mengambil langkah memperbetulkan segala kepincangan, yang menjadi faktor kegagalan mereka selama ini.

Perdana Menteri mengingatkan, bukan bumiputera pula perluturutserta dalam integrasi ekonomi ini jika mereka tidak mahu selamanya dibebankan dengan 'Dasar Ekonomi Baru' (DEB) yang sering menjadi rungutan itu.

Beliau melahirkan harapan ini dalam satu ucapan yang terusterang semasa merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ke-3 yang buat pertama kali disertai sama oleh bukan bumiputera. Kongres ini dianjurkan bersama oleh kerajaan dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia. Ia akan berlangsung secara tertutup selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). (Ucapan penuh Perdana Menteri di Muka 6, 7 dan 23)


Kerjasama

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, integrasi ekonomi ini serta kerjasama kedua-dua belah pihak bukan sahaja baik untuk Dasar Pembangunan Negara (DPN) yang menggantikan DEB tetapi juga untuk politik dan masa depan negara.

"Hakikatnya ialah kita tidak boleh mengadakkan dua ekonomi yang berasingan dalam negara kita.

"Ekonomi bumiputera dan bukan bumiputera mestilah diintegrasikan untuk mengelak perasaan iri hati bagi mana-mana pihak," katanya.

Sehubungan itu, ujar Perdana Menteri, bumiputera dan bukan bumiputera perlu belajar bekerjasama dan bersikap lebih toleran



KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA KE-3

bagi menghasilkan perkongsian yang lebih bermakna.

Dalam hubungan ini soal kelemahan bumiputera dalam perniagaan dan pendekatan bukan bumiputera juga perlu dibetulkan, katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, satu daripada sebab kegagalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah tamat tempoh akhir tahun 1990 ialah pendekatan yang diambil oleh bukan bumiputera.

Menurutnya, mereka lebih suka rakan bumiputera mereka tidak menerima risiko perdagangan dan tidak aktif dalam pengurusan.

Dengan ini, katanya, peniaga bumiputera akan selama-lamanya jahil dan akan terus bergantung kepada bukan bumiputera.

"Mungkin dengan ini mereka (bukan bumiputera) akan beruntung tetapi dengan ini juga mereka akan dibebankan dengan DEB demi

LIHAT MUKA 2

— P M —
E K O N O M I

INTEGRASIKAN EKONOMI SEMUA KAUM — PM

DEB selama-lamanya," katanya.

Oleh itu, kata beliau, adalah lebih baik mereka menentukan rakan bumiputera menyertai perniagaan secara bersungguh-sungguh dan mereka tidak akan rugi kerana risiko akan ditanggung secara bersama.

Ini, katanya, kerana bukan bumiputera boleh memainkan peranan penting bagi menjaya dan menggagalkan segala rancangan untuk mengimbangi ekonomi bumiputera dan bukan bumiputera.

Dalam hal ini, Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa analisis terhadap sebab berlaku rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang menggugat rusuhan kaum ialah ketidakseimbangan ekonomi antara mereka.

Dengan penyertaan bukan bumiputera dalam kongres kali ini seperti yang dicadangkan oleh kerajaan, beliau berharap mereka akan lebih memahami hasrat kongres dan dengan itu mereka akan memainkan peranan yang lebih positif.

Kata Perdana Menteri: "Mereka mempunyai peranan dalam kongres ini dan dalam pelaksanaan resolusi-resolusi tertentu kongres ini. Mungkin ini dianggap terlalu optimistik tetapi dalam apa jua rancangan atau pendekatan, kita perlu kepada 'optimism'.

"Tanpa harapan besar tidak mungkin beberapa rancangan kita mencapai kejayaan."

Dalam ucapannya selama satu jam yang disiarkan secara langsung oleh RTM, Perdana Menteri turut menarik perhatian terhadap kelemahan bumiputera yang masih bergantung kepada perlindungan politik, kurang yakin, ingin cepat kaya, kurang daya saing, kurang sabar dan suka menyalahkan kerajaan bila gagal.

Dalam penekanannya terhadap aspek-aspek tersebut, beliau mahu bumiputera bekerja keras 'mengubati penyakit-penyakit itu' jika ingin membangunkan satu Masyarakat Perdagangan dan Prindustrian Bumiputera (MPPB) seperti yang disyorkan dalam DPN.

Menurut beliau, pencapaian 20 peratus milik bumiputera semasa tempoh pelaksanaan DEB walaupun dianggap berjaya tetapi ia masih disangsikan.

"Oleh kerana pencapaian 20 peratus adalah hasil usaha dan iklim yang bukan semulajadi, maka

kemampuan bumiputera bersaing dan mengekalkan hak dan bahagian mereka jika iklim biasa dikembalikan, adalah disangsi.

"Bahkan pada pandangan kerajaan hampir 20 peratus milik bumiputera ini akan hilang jika perlindungan yang ada sekarang dihapuskan," ujarnya.

Besar kemungkinan kata Perdana Menteri, bumiputera boleh mencapai 30 peratus seperti matlamat DEB tetapi 10 peratus yang diperolehi oleh bumiputera itu telah dijual balik kepada bukan bumiputera untuk mendapat keuntungan cepat.

Menurut beliau, 'penyakit' ini perlu diakui jika betul-betul ingin mengubatnya kerana perlindungan politik seperti yang terdapat sekarang bukanlah perkara yang kekal.

Memandangkan kepada keadaan dan aliran ini maka bumiputera perlu mampu bersaing dalam bidang perusahaan dan perniagaan tanpa apa-apa perlindungan dalam pasaran biasa, tegas beliau.

Langkah pertama untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dan meningkatkan kemampuan bumiputera dalam ekonomi, kata beliau, ialah dengan mengenali dan mengakui kelemahan atau penyakit-penyakit yang menyerang mereka.

"Selagi mereka tidak sanggup mengenalpasti dan mengakui penyakit-penyakit ini selama itulah ubat yang tidak tepat akan digunakan atau bukan penyakit sebenar yang diubati tetapi symptomnya sahaja," ujar beliau.

Sebagai contoh, beliau berkata, kualiti dan daya saing bumiputera dalam sektor pembekalan dan kontrak kerajaan masih rendah iaitu antara 12 hingga 15 peratus daripada nilai keseluruhan kontrak kerajaan yang ditawarkan.

Ini juga secara jelas menafikan bahawa D E E menyekat peluang bukan bumiputera, katanya.

Selain itu, banyak projek yang diberikan oleh kerajaan kepada bumiputera terbengkalai, tidak dilaksanakan atau dijual terus kepada bukan bumiputera.

Mengenai MPPB, Perdana Menteri memberi pengakuan bahawa kerajaan akan menimbang-dengar sewajarnya segala cadangan oleh bumiputera ke arah mewujudkan MPPB.